

DERA SIFAT Kebinatangan

Oleh Lokman Ismail

PENDERAAAN terhadap kanak-kanak merupakan kes di luar batas kemanusiaan, lebih-lebih lagi dilakukan oleh ibu bapa sendiri. Penderaan merupakan pencabulan atau pelanggaran yang serius terhadap hak kanak-kanak untuk berkembang dalam keadaan sihat dan bermaruah di samping menyebabkan risiko dalam kelangsungan hidup mereka. Penderaan dikategorikan kepada penderaan fizikal, emosi, seksual dan pengabaian.

Daripada 1614 kes yang dilaporkan dari tahun 2005 hingga 2012, kira-kira 40 peratus penderaan terhadap kanak-kanak dilakukan sendiri oleh ibu bapa. Peratusan kedua tertinggi dilakukan oleh pengasuh, iaitu kira-kira 19 peratus.

Islam atau mana-mana agama juga sememangnya mementingkan ikatan kasih sayang dan belas kasihan. Sebarang bentuk penderaan, sama

ada fizikal ataupun emosi, dilarang sama sekali. Penderaan meninggalkan kesan buruk yang berpanjangan dengan membentuk sikap yang negatif.

Kanak-kanak yang menjadi mangsa penderaan menanggung kesan emosi yang lebih panjang berbanding dengan kesan fizikal. Hal ini dapat mempengaruhi tingkah laku kanak-kanak melakukan perbuatan yang sama kepada orang lain. Mereka turut menyimpan dendam terhadap pelakunya.

Ibu, bapa, dan orang dewasa yang mempunyai tanggungjawab terhadap kanak-kanak wajar memikirkan nasibnya pada masa depan. Dirinya tidak sepanjang masa muda dan sihat. Apabila tiba masa tua, segala kekuatan telah berkurang. Ketika itulah orang tua mengharapkan bantuan dan perhatian daripada orang muda, iaitu kanak-kanak yang pernah diabaikannya dulu.



Dalam kes penderaan, lain pula yang berlaku berasaskan hubungan pelaku yang merasakan dirinya lebih berkuasa, lebih kuat, lebih berpengaruh atau lebih kaya berbanding dengan mangsa. Mangsa pula tidak mampu mempertahankan hak disebabkan kekurangan pada diri sendiri.

Pihak yang melakukan penganiayaan menunjukkan lagak berkuasa. Sikap menggunakan kekuasaan bukan pada tempatnya tidak akan menonjolkan diri seseorang menjadi lebih hebat. Sebaliknya, perbuatan zalim yang dilakukan lambat laun akan menerima pembalasan yang setimpal.

Sesiapa yang melakukan penderaan menyalahi undang-undang negara. Jika sabit kesalahan di mahkamah, mereka boleh dikenakan hukuman berat. Khalayak sering membaca

laporan kes penganiayaan ibu bapa atau keluarga terhadap kanak-kanak, suami mendera isteri, ibu atau bapa menjadi mangsa sikap anak-anak, orang gaji diperlakukan seperti hamba oleh majikan.

Perbuatan penderaan yang semakin merembak merupakan tanda kepincangan dan krisis kemelut sosial yang semakin menular dalam masyarakat. Kehidupan tidak lagi berlandaskan perasaan kasih sayang dan saling menghormati.

Sebagai ibu bapa, kita haruslah sentiasa berusaha untuk memupuk dan membina keluarga yang penyayang, prihatin, berusaha untuk membimbing anak dalam semua aspek dengan memberikan didikan agama. Ibu bapa bertanggungjawab untuk mengasih, menyanggahi, dan melindungi anak. Di samping itu, ibu bapa turut bertanggungjawab untuk

memantau, mengawasi gerak geri anak, terutama anak yang meningkat remaja untuk mengelakkan mereka daripada pergaulan yang bebas dan keruntuhan akhlak. Ajarlah anak kita tentang "sentuhan" yang "baik" dan "tidak baik" yang dilakukan oleh orang lain kepada mereka.

Penerapan amalan beragama dan perasaan kasih sayang merupakan cara yang paling berkesan untuk mengatasi masalah kepincangan sosial ini. Islam mengajar manusia melakukan kebaikan dan mencegah perbuatan mendatangkan keburukan.

Salah satu elemen penting dalam ajaran Islam ialah elemen mewujudkan perasaan kasih sayang melibatkan sesama manusia, binatang, tumbuhan dan alam semesta. Kasih sayang mengikat dan memperkuat hubungan agar tidak melakukan perbuatan yang

Abuse - Child Abuse

Pg 38 - 40

mendatangkan keburukan kepada pihak lain.

Islam amat tegas menentang sebarang bentuk penderaan, bukan sahaja terhadap manusia, bahkan yang melibatkan haiwan. Konsep kasih sayang perlu dihayati sepenuhnya. Kesannya akan melahirkan masyarakat yang bebas daripada penderaan.

Perasaan kasih sayang akan menyebabkan seseorang sanggup berkorban melakukan sesuatu untuk mempertahankan orang dikasihi daripada perkara buruk.

Orang yang mempunyai perasaan kasih sayang secara kolektifnya akan mewujudkan persekitaran hidup yang selamat untuk orang lain. Ntahjah daripada itu juga dirinya sendiri akan mendapat pengiktirafan keselamatan daripada orang lain.

Masyarakat juga bertanggungjawab menyekat kes penderaan berterusan. Sebarang kes penderaan yang diketahui



Kanak-kanak yang menjadi mangsa dera mengalami tekanan emosi yang dasyat.

perlu dihalang segera. Halanglah dengan kemampuan sendiri atau dilaporkan segera kepada pihak berkuasa.

Sifat membiarkan penderaan

berlaku dengan alasan tidak mahu menjaga tepi kain orang lain telah menyebabkan kes penderaan semakin merebak. Ada kes penderaan kanak-kanak yang membawa kematian disebabkan jiran tetangga yang tidak ambil kisah.

Ahli masyarakat perlu bersama-sama mencegah perbuatan yang melampaui batasan atau mencurigakan, terutamanya jika terdapat aktiviti yang tidak bermoral. Laporkan kepada pihak berkuasa demi membanteras penganiayaan sesama insan ini tanpa mengira agama, bangsa dan budaya. Bersama-samalah kita membantu kerajaan untuk membanteras gejala penganiayaan

ini dan tanamlah sifat rasa prihatin, kasih sayang sesama insan.

Guru dan para pendidik turut memainkan peranan yang penting jika mengetahui ada pelajar yang menjadi mangsa dera. Guru turut bertanggungjawab untuk memberitahu dan membimbing serta menasihati pelajar supaya mengetahui "hak" mereka untuk mengelak dari sebarang kejadian yang tidak diinginkan, seperti penderaan, rogol dan pencabulan.

Menurut Akta Kanak-kanak 1991 (akta 468), pegawai perubatan diwajibkan untuk melaporkan pesakit yang datang untuk mendapat rawatan di klinik ataupun hospital dan mendapati wujudnya sebarang kes penderaan kepada pihak berkuasa.

Kegagalan berbuat demikian akan didenda RM1000.

Walau bagaimanapun pada 1 Ogos 2002, kerajaan telah memanjangkan peranan ahli keluarga dan pengasuh untuk melaporkan sebarang kejadian yang dicurigai ada unsur penderaan. Kegagalan berbuat demikian boleh dikenakan denda ataupun penjara atau kedua-duanya sekali.

Oleh itu, kita sentiasa dilindungi, diberi kekuatan iman, kewarasan fikiran dan dapat sama-sama membina dan mengukuhkan institusi kekeluargaan dan mampu melahirkan insan yang cemerlang dalam semua aspek kehidupan. ●

Amalan merotan dibenarkan jika bersifat mendidik anak-anak supaya mereka berkelakuan baik.

